

MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN PENDIDIKAN ATM KE 29 ZON TIMUR 2019

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5559-majlis-anugerah-kecemerlangan-pendidikan-atm-ke-29-zon-timur-2019

KOTA BHARU, 25 Okt 19 - Majlis Anugerah Kecemerlangan Pendidikan ATM kali 29 Zon Timur bagi tahun 2019 telah diadakan di Dewan Sri Pahlawan, Kem Desa Pahlawan dan dirasmikan oleh Panglima 8 Bgd, Brig Jen Hj Mohammad Huzaimi bin Sabri.

Majlis yang turut dihadiri oleh Komander Pangkalan udara Gong kedak, Kol Saiful Azuar bin Ariffin TUDM ini bertujuan untuk meraikan anak-anak pegawai dan anggota yang cemerlang di dalam peperiksaan PT3, SPM dan kemasukan ke IPTA.

Seramai 33 penerima melibatkan anak pegawai dan anggota LLP bagi Zon Timur telah menerima anugerah manakala 10 penerima iaitu enam orang bagi kategori PT3, tiga penerima kategori SPM dan seorang penerima kategori IPTA adalah merupakan dari kalangan anak-anak pegawai dan LLP PU Gong Kedak.



